

JABATAN ALAM SEKITAR
NEGERI SABAH

LAPORAN TAHUNAN 2019



**Blok A, Aras 4,
Bangunan KPKPS,
Jln. UMS - Sulaman,
88450, Kota Kinabalu,
SABAH**

www.doe.gov.my



LAPORAN TAHUNAN 2019

JABATAN ALAM SEKITAR
NEGERI SABAH



Alamat Pejabat

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah
Aras 4, Blok A, Bangunan KPKPS,
Jalan UMS - Sulaman, Likas
88450, Kota Kinabalu
SABAH

Sila Hubungi :

Tel Pejabat : 088-488166
No Fax : 088-488177
www.doe.gov.my





05

UCAPAN ALUAN PENGARAH

oleh En. Amirul Bin Aripin

07

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

oleh Pn. Hamidah Binti Shafie

15

BAHAGIAN OPERASI

oleh John Anak Rampai

16

UNIT PYDT DAN PYBDT

oleh Adzlan Abdul Latib

17

UNIT PERLESENAN

oleh Mardiana Aliska

22

OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA

oleh Rosdi Bin Kerisim

30

UNIT KENDERAAN BERMOTOR

oleh Ali Abdul Fatah



36

PENGURUSAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR

oleh Roslina Diwa

40

TINDAKAN MAHKAMAH

oleh Norhazwan Norizan

47

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

oleh Yaras Bin Hj. Yusup

48

PENGUATKUASAAN EIA

*oleh Ya Muhammad dan
Muhammad Suffian Bin Julmohamad*

52

UNIT EIA & INPUT PEMBANGUNAN JAS

oleh Melissa Joseph James

57

UNIT KEBENARAN BERTULIS DAN PEMBERITAHUAN BERTULIS

oleh Fauzi Mahmud

61

PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR DAN PENGAWASAN

oleh Chai Hsieh Nee

Dari Meja Pengarah

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi di atas izin dan limpah kurniaNya Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah (JAS) 2019 telah dapat diterbitkan. Laporan ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab Jabatan untuk menyebarkan maklumat mengenai pencapaian dan pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan dan pembangunan yang telah dilaksanakan oleh JAS Negeri Sabah sepanjang tahun 2019. Saya berharap laporan ini menepati aspirasi semua pihak dan boleh dijadikan sebagai bahan rujukan serta membantu orang ramai memahami peranan JAS dalam penjagaan alam sekitar.

Tanggungjawab yang dipikul oleh JAS Negeri Sabah semakin mencabar selari dengan program tranformasi Kerajaan terutama sektor awam yang berpusatkan rakyat, tuntutan masyarakat ke atas penggunaan teknologi hijau dalam projek pembangunan dan kepesatan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi.

Pada tahun 2019, beberapa aktiviti kesedaran yang utama telah diadakan di Negeri Bawah bayu ini iaitu Sambutan Hari Bumi Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan di Kota Kinabalu, Sabah. Julung kalinya Train Of Trainers untuk Guru-Guru dan Majlis Anugerah Kinabalu-Pencapaian Alam Sekitar juga telah diadakan dengan kerjasama Rakan Strategik PETRONAS. Sambutan Hari Bumi yang diadakan di Kota Belud juga telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama Rakan Strategik Repsol Oil & Gas. EXXONMOBIL juga telah menjadi Rakan Strategik JAS pada tahun 2019 bagi pelaksanaan aktiviti di bawah Program Energy Science Technology Environment & Climate Change (ESTECC) yang menasarkankan 10,000 pelajar sekolah.


Pada kesempatan ini, saya merakamkan penghargaan kepada Agensi-Agensi Kerajaan di Peringkat Negeri dan Persekutuan, Pihak Swasta, Rakan Strategik, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pertubuhan Sukarela yang begitu komited memberi kerjasama dan sokongan kepada Jabatan ini. Kepada warga kerja JAS Sabah, tahniah dan syabas diucapkan atas semangat dan dedikasi dalam menjayakan pelbagai program. Sesungguhnya keupayaan Jabatan dalam mewujudkan perkhidmatan yang berkualiti adalah bergantung kepada kakitangan yang berdedikasi yang sentiasa bersedia untuk mentransformasi diri dalam melaksanakan tugas. Akhir sekali saya mendoakan agar segala usaha kita diberkati Allah SWT dan mendapat rahmat dariNya.

“PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

AMIRUL BIN ARIPIN

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah




Amirul Bin Aripin
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN






CARTA ORGANISASI JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SABAH




PEJABAT CAWANGAN JAS SIPTANG



KEMASKINI PADA 31.12.2019




PEJABAT CAWANGAN JAS TAWAU



KEMASKINI PADA 31.12.2019



PEJABAT CAWANGAN SANDAKAN



KEMASKINI PADA 31.12.2019

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

PERJAWATAN
JABATAN ALAM SEKITAR
NEGERI SABAH

Bilanagang Perjawatan 84 Orang.
Kekuatan Berakhir Disember 2019
seramai 81 Orang.
Terdapat 3 Kekosongan jawatan.

KEWANGAN

Jumlah Peruntukan Diterima :
= RM 6,318,931.01

Jumlah Perbelanjaan :
= RM 6,304,431.01

**"Peratusan perbelanjaan
adalah sebanyak 99.70%
bagi sepanjang tahun 2019"**

PENYATA KEDUDUKAN VOT KEMASKINI

KOD & NAMA PROGRAM	PERUNTUKAN DILULUSKAN	TAMBAHAN KURANGAN PERUNTUKAN	JUMLAH PERUNTUKAN DIPINDA	JUMLAH PERBELANJAAN SEBENAR		JUMLAH TANGGUNGAN	BAKI SELEPAS PERBELANJAAN SEBENAR & TANGGUNGAN	
				(D) RM	% BELANJA		(F=C-(D+E)) RM	(G=F/C) * (%)
VOT B30	(A) RM	(B) RM	(C=2+B) RM	(D) RM	% BELANJA	(E) RM	(F=C-(D+E)) RM	(G=F/C) * (%)
11000/050200	3,402,000.00	101,984.72	3,503,984.72	3,503,965.17	99.90		19.55	0.00
12000/050200	1,327,000.00	(5,930.33)	1,321,069.67	1,322,087.74	100.00		(1,018.07)	0.00
13000/050200	9,000.00	13,331.00	22,331.00	22,331.00	100.00		0.00	0.00
14000/050200	22,500.00	39,877.61	62,377.61	61,925.64	99.20		451.97	0.70
15000/050200	71,000.00	38,224.90	109,224.90	105,586.26	96.60	1,107.32	2,531.32	2.30
17000/050200	0.00	76,700.00	76,700.00	76,450.00	99.60		250.00	0.30
21000/050200	250,000.00	29,000.00	279,000.00	265,939.24	95.30	5,036.63	9,024.13	2.80
22000/050200	3,000.00	35,360.00	38,360.00	37,660.00	98.10		700.00	1.80
23000/050200	64,000.00		64,000.00	65,633.87	102.50		(1,633.87)	0.00
24000/050200	360,000.00	5,517.30	355,412.70	355,412.70	100.00		0.00	0.00
25000/050200	1,000.00	1,726.45	2,726.45	2,430.45	89.10		296.00	10.80
26000/050200	62,000.00	12,435.94	74,435.94	74,435.71	99.90		0.23	0.00
27000/050200	33,500.00	63,825.01	97,325.01	97,098.51	99.70		296.50	0.20
28000/050200	171,000.00	62,141.75	233,141.75	229,605.75	98.40		3,536.00	1.50
29000/050200	22,000.00	60,862.62	82,862.62	81,175.02	97.90		1,687.60	2.00
42000/050200	7,000.00	4,050.00	11,050.00	11,050.00	100.00		0.00	0.00
JUMLAH BESAR	5,805,930.00	528,072.37	6,334,002.37	6,312,787.06	99.60	6,143.95	15,071.36	0.20

DATA KEMASKINI SEHINGGA 12.12.2019

SENARAI PERTUKARAN KAKITANGAN

Pegawai Bertukar Keluar dari JAS Sabah



**YM TUNKU KHALKAUSAR BINTI
TUNKU FATHAHI**

**PENGARAH C54
BERTUKAR KE JAS KEDAH
01 JULAI 2019**



**ANDY JOSEPH
PENOLONG JURUTERA JA29**

**BERTUKARA KE
POLITEKNIK KOTA KINABALU
02 JANUARI 2019**



**VIZIA IDRIS
KETUA PEMBANTU TADBIR N22**

**BERTUKAR KE MAHKAMAH
MAJISTREET TUARAN
02 JANUARI 2019**

SENARAI PERTUKARAN KAKITANGAN

Pegawai Bertukar Dalam



JIKULA MONGIJAL
PEGAWAI KAWALAN KANAN C44

DARI UNIT OMPT/KOTEGENSI
TUMPAHAN MINYAK JAS KK

BERTUKAR KETUA CAWANGAN
SIPITANG

Pegawai Bertukar Masuk



MUHAMMAD SUFFIAN BIN
JULMOHAMAD
PEGAWAI KAWALAN KANAN C44

BERKUATKUASA
31 DISEMBER 2019



ZUNAIBI BIN PAIMAN
PENOLONG JURUTERA JA29

BERKUATKUASA
02 JANUARI 2019

SENARAI PERTUKARAN KAKITANGAN

Pegawai Betukar Masuk



MOHD KHAIRUL AZHAR BIN
OTHMAN
PENOLONG JURUTERA JA 29

BERKUATKUASA
02 JANUARI 2019



MOHD HAFIZE BIN ABD JARIH
PENOLONG JURUTERA JA 29

BERKUATKUASA
16 MEI 2019



SABRAN BIN SABDANI
KETUA PEMBANTU TADBIR N22

BERKUATKUASA
03 JANUARI 2019

KENAIKAN PANGKAT

Pegawai Menerima Kenaikan Pangkat



AMIRUL BIN ARIPIIN
PENGARAH C54
BERKUATKUASA
01 OGOS 2019



SAKINAH BT ABDUL AZIS
PEN. PEGAWAI KAWALAN
KANAN C32
BERKUATKUASA
16 DISEMBER 2019

Pegawai Menerima Anugerah Pekerja Cemerlang 2019



MELISSA JOSEPH JAMES
PEGAWAI KAWALAN
KANAN C44



MOHD ZIKRI BIN ISMAIL
PEN. PEGAWAI KAWALAN
KANAN C32



ALBERT MAIDY PETER
PEN. PEGAWAI KAWALAN
KANAN C32 (KUP)



MUHAMAD BAKAR
JURUTEKNIK KANAN J22



MURAIDAH BT ABDUL RASUL
PEMBANTU TADBIR (P/O) N19



AZMAN BIN YUSOFF
PEMANDU H11



BAHAGIAN OPERASI

BILANGAN PEMERIKSAAN CAC DAN PEMATUHAN PYDT / PYBDT 2019


GRAF SASARAN DAN PENCAPAIAN LAWATAN PREMIS BAGI TAHUN
2019



INVENTORI

Inventori premis yang disasarkan dalam program penguatkuasaan bagi tahun 2019 melibatkan sebanyak 1989 inventori PYBDT, 123 inventori Loji Kumbahan dan 159 inventori PYDT yang terdiri daripada 131 premis Kilang Kelapa Sawit, 3 premis Kilang Getah dan 25 premis Buangan Terjadual.

BILANGAN KETIDAKPATUHAN LAWATAN
PEMERIKSAAN



INVENTORI

PENCAPAIAN KESELURUHAN LAWATAN PREMIS MENGHAMPIRI SASARAN BAGI
TAHUN 2019.

82.3%

PENCAPAIAN
LAWATAN
PREMIS PYDT

81.7%

PENCAPAIAN
LAWATAN
PREMIS PYBDT

87.1%

PENCAPAIAN
LAWATAN
PREMIS LOJI
KUMBAHAN

PELESENAN

PELESENAN PREMIS KILANG KELAPA SAWIT

Kilang kelapa sawit merupakan premis yang dikategorikan sebagai premis yang ditetapkan dan memerlukan lesen daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling untuk menduduki dan beroperasi. Bilangan kilang kelapa sawit di negeri Sabah adalah paling tinggi di negara ini. Jumlah ini telah meningkat daripada 47 buah kilang pada tahun 1996 kepada 132 buah kilang pada tahun 2019 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 di bawah.

132

JUMLAH KILANG KELAPA SAWIT YANG DILESENKAN OLEH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SABAH



Rajah 1: Jumlah kilang kelapa sawit di negeri Sabah pada tahun 1996 sehingga tahun 2019

Kerajaan Negeri Sabah telah menetapkan supaya had pelepasan efluen kilang kelapa sawit yang beroperasi di Negeri Sabah perlu diperketatkan melebihi had di dalam peraturan bagi mengurangkan pencemaran kepada alam sekitar di negeri ini. Susulan itu kilang kelapa sawit di negeri Sabah telah menggunakan teknologi terkini untuk merawat efluen supaya dapat mematuhi had yang ditetapkan di dalam lesen. Kilang-kilang kelapa sawit yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah mempunyai beberapa kaedah untuk melupuskan efluen iaitu pelupusan ke alur air (discharged into watercourse), pelupusan ke atas tanah (discharged onto land), pengairan tanah (land irrigation), penggunaan efluen dalam kompos (composting) dan kitar semula (zero discharge). Maklumat kaedah pelupusan efluen dan bilangan kilang kelapa sawit yang menggunakan kaedah terbabit seperti di Rajah 2 di bawah.

KAEDAH PELUPUSAN EFLUEN	2019/2020
Pengairan Tanah	100
Pengairan Tanah & Kompos	22
Alur Air	2
Kompos (Zero Discharge)	2
Atas Tanah	3
Atas Tanah & Kompos	1
Pengairan Tanah & Atas Tanah	1
Kitar Semula & Kompos	1
JUMLAH	132

Rajah 2: Kaedah pelupusan efluen kilang kelapa sawit di Negeri Sabah

PELESENAN PREMIS KILANG KELAPA SAWIT

Sebanyak 3 kilang getah di negeri Sabah diberikan lesen oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah untuk menduduki dan beroperasi kerana kilang terbabit dikategorikan sebagai premis yang ditetapkan. Maklumat kilang getah di negeri Sabah dari tahun 2007 hingga tahun 2019 adalah seperti di Rajah 3 manakala kaedah pelupusan efluen bagi kilang getah di negeri Sabah ialah seperti di Rajah 4.



Rajah 3: Jumlah kilang getah di negeri Sabah pada tahun 2007 sehingga tahun 2019

ALUR AIR

KAEDAH PELUPUSAN EFLUEN
GETAH DI NEGERI SABAH
2019/20

PERLESENAN PREMIS BUANGAN TERJADUAL

3 LESEN   

1. LEGENDA BUMIMAS SDN. BHD. - KOTA KINABALU

2 LESEN  

1. PETROJADI SDN. BHD. - KOTA KINABALU

2. PENTAS FLORA (SABAH) SDN. BHD - KOTA KINABALU

3. KUALITI ALAM SDN. BHD. - KOTA KINABALU

4. NCT FORWARDING & SHIPPING SDN. BHD. - KOTA KINABALU

5. WAWASAN OIL RECYCLE SDN. BHD. - SANDAKAN

2 LESEN  

1. SEDAFIAT SDN. BHD. - KOTA KINABALU

2 LESEN  

1. REDSOFT SOLUTIONS SDN. BHD. - KOTA KINABALU

2 LESEN  

1. JL RESOURCE TECHNOLOGY - TAWAU



PEMBAWA YANG DITETAPKAN/ PENGANGKUTAN BUANGAN TERJADUAL



KEMUDAHAN PENSTORAN LUAR TAPAK BUANGAN TERJADUAL



KEMUDAHAN PEMEROLEHAN KEMBALI BUANGAN TERJADUAL




KEMUDAHAN RAWATAN GELOMBANG MIKRO



KEMUDAHAN PEMEROLEHAN KEMBALI SEPARA E-WASTE



KEMUDAHAN PEMEROLEHAN KEMBALI



Rajah 4: Penghasilan Buangan Terjadual kurang daripada 50 Metrik Tan setahun mengikut kod buangan.



Rajah 6: Penghasilan Buangan 50 MT sehingga 100MT setahun mengikut kod buangan.



Rajah 5: Penghasilan Buangan 100 MT sehingga 1000MT setahun mengikut kod buangan.



Rajah 6: Penghasilan Buangan melebihi 1000MT setahun mengikut kod buangan.

OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA & KONTIGENSI TUMPAHAN MINYAK

Aktiviti ini adalah bertanggungjawab dalam melaksanakan program-program penguatkuasaan terhadap aktiviti pembakaran terbuka yang membawa risiko keadaan berjerebu. Antara strategi dan tindakan awal yang diambil bagi mencegah berlakunya kejadian jerebu akibat aktiviti pembakaran terbuka adalah pemantauan dan penguatkuasaan melalui rondaan darat. Kawasan pemantauan pembakaran terbuka ditumpukan di kawasan yang mudah terbakar (fire prone area), kawasan yang berpotensi terbakar dan kawasan yang sering berlaku pembakaran terbuka. Kawasan yang mudah terbakar (fire prone area) adalah seperti kawasan tanah gambut dan tapak pelupusan sampah.


SIASATAN ADUAN PEMBAKARAN TERBUKA

Selain itu, ia bertindak menyiasat aduan awam ke atas aktiviti atau kegiatan pembakaran terbuka. Tahap kesedaran awam yang semakin bertambah baik menyebabkan bilangan aduan terutama dalam isu pembakaran terbuka bertambah. Hotspot (titik panas)


yang dikenalpasti oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) juga disiasat. Kes-kes pembakaran terbuka dan hotspot bagi tahun 2019 adalah seperti di Rajah 3.5.1 dan Jadual 3.5.1.

Jadual 3.5.1: Bilangan aduan pembakaran mengikut bulan yang diterima tahun 2019. Jumlah keseluruhan aduan adalah 316.

STATISTIK ADUAN PEMBAKARAN TERBUKA
TAHUN 2019



SIASATAN HOTSPOT




Rajah 3.5.1 : Bilangan titik panas / hotspot mengikut bulan yang dikenalpasti oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) di Singapura. Bilangan keseluruhan titik panas adalah 251. (Satelit NOAA20 menggantikan NOAA19 berkuatkuasa 5 September 2019. Satelit NOAA20 ini mempunyai daya cerapan yang lebih tinggi).

SIASATAN ADUAN PEMBAKARAN TERBUKA


Selain itu, ia bertindak menyiasat aduan awam ke atas aktiviti atau kegiatan pembakaran terbuka. Tahap kesedaran awam yang semakin bertambah baik menyebabkan bilangan aduan terutama dalam isu pembakaran terbuka bertambah.

Hotspot (titik panas) yang dikenalpasti oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) juga disiasat. Kes-kes pembakaran terbuka dan hotspot bagi tahun 2019 adalah seperti di Rajah 3.5.1 dan Jadual 3.5.1.



Rajah 3.5.2 : Statistik hotspot mengikut Bahagian yang dikenalpasti oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) di Singapura. Bilangan keseluruhan titik panas adalah 251.

SIASATAN HOTSPOT



Rajah 3.5.2 : Statistik hotspot mengikut Bahagian yang dikenalpasti oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) di Singapura. Bilangan keseluruhan titik panas adalah 251.



OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA & KONTIGENSI TUMPAHAN MINYAK

Satu program yang telah dibangunkan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia sejak tahun 2010 bagi menangani pembakaran terbuka di kawasan tanah gambut yang dikenali Program Pengurusan dan Pencegahan Pembakaran Terbuka di Tanah Gambut yang Sering Terbakar. Di antara programnya ialah pembinaan telaga tiub dan check dam (empangan kecil). Jadual 3.5.2 menunjukkan bilangan projek yang telah dibina dari tahun 2010 sehingga tahun 2019. Bagi tahun 2019, di bawah program ini Negeri Sabah telah menerima peruntukan sebanyak RM815,000.00 untuk kerja-kerja pembinaan 2 unit telaga tiub baru, pembinaan dua unit sekatan saluran dan kerja-kerja penyelenggaraan. Jadual 3.5.3 adalah pecahan peruntukan & aktiviti berkaitan.

PROJEK

SIAP DIBINA SEHINGGA 2019

TELAGA TIUB	11
CHECK DAM	11
MENARA TINJAU	1
PAPAN TANDA	83

Jadual 3.5.2 : Projek Di bawah Program Pengurusan Tanah Gambut

SKOP PROJEK	PERUNTUKAN	AGENSI PELAKSANA
PEMBINAAN 7 UNIT PAPAN TANDA BARU DAN MENAIKTARAF PAPAN TANDA SEDIA ADA	RM35,000.00	JABATAN ALAM SEKITAR
MEMBINA TELAGA TIUB BARU - 2 UNIT	RM 500,000.00	JABATAN MINERAL & GEOSAINS
MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR SEDIA ADA - 9 UNIT TELAGA TIUB	RM 100,000.00	JABATAN MINERAL & GEOSAINS
MEMBINA SEKATAN SALIRAN - 2 UNIT	RM 80,000.00	JABATAN PERHUTANAN SABAH
MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR SEDIA ADA	RM 100,000.00	JABATAN PERHUTANAN SABAH

CHECK DAM DAN MENARA TINJAU

gambar tersebut adalah antara pembangunan projek yang telah siap dipasang / dibina dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Mineral dan Geosains serta Jabatan Perhutanan Negeri Sabah.



Pemeriksaan Konkrit 'Check Dam' yang dibina di Klias Peatswamp Field Centre yang masih berfungsi dengan baik.

Penggunaan Menara Tinjau untuk mengesan aktiviti pembakaran terbuka.



Bulan	Bilangan Aduan
Januari	0
Februari	1
Mac	2
April	0
Mei	0
Jun	1
Julai	0
Ogos	0
September	1
Oktober	1
November	0
Disember	1






Jadual 3.5.4 : Jadual menunjukkan bilangan kes tumpahan minyak yang berlaku di seluruh Sabah pada tahun 2019 termasuk di laut, sungai dan daratan

Unit ini juga ditugaskan untuk mengendalikan siasatan aduan pencemaran marin dan tumpahan minyak di daratan. Selain menyiasat kes tumpahan minyak, Unit ini bertanggungjawab sebagai Sekretariat Jawatankuasa Operasi Negeri (JON) bagi Rancangan Kontigensi Kawalan Kejadian Tumpahan Minyak (RKKKTM) dan Ahli Jawatankuasa Pelan Tindakan Pembersihan Pantai (PTPP) Negeri Sabah.

Untuk makluman, PTPP Negeri Sabah adalah dibawah tanggungjawab Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah (JPAS). Kes-kes tumpahan minyak bagi tahun 2019 adalah seperti di dalam Jadual 3.5.4

OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA & KONTIGENSI TUMPAHAN MINYAK

- AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 (Seksyen)
 - Seksyen 27, 28 dan 29
 - Seksyen 29A, 29AA, 29B dan 29C
- Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pewakilan Kuasa)(Penyiasatan Pembakaran Terbuka) 2000
- Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pewakilan Kuasa)(Perbadanan Putrajaya) 2002
- Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Diisytiharkan)(Pembakaran Terbuka) 2003
- Kaedah-Kedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Pembakaran Terbuka) 2000
- Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pewakilan Kuasa Kawalan Pencemaran Marin) 1993
- Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pewakilan Kuasa Kawalan Pencemaran Marin) 1994



UNIT KENDERAAN BERMOTOR

Bilangan kenderaan berdaftar dan digunakan di jalan-jalanraya semakin bertambah dari setahunkesetahun di negarainipadaamnyadanjuga di Negeri Sabah khasnya. Pelepasan gas dan asap dari kenderaan bermotor adalah salah satu punca yang menyumbang kepada pencemaran udara. Bagi mengawal pencemaran udara akibat pelepasan asap hitam, kenderaan berenjin diesel, pelepasan gas karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon dari kenderaan berenjin petrol serta pencemaran bunyi bising dari motosikal, Unit Kenderaan Bermotor Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah menjalankan penguatkuasaan berdasarkan peraturan-peraturan seperti diperuntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 iaitu:

01

PERATURAN-PERATURAN
KUALITI ALAM SEKELILING

**Kawalan Pelepasan Daripada
Enjin Diesel 1996;**

02

PERATURAN-PERATURAN
KUALITI ALAM SEKELILING

**Kawalan Pelepasan Daripada
Enjin Petrol 1996;**

03

PERATURAN-PERATURAN
KUALITI ALAM SEKELILING

**Bunyi Bising kenderaan
Motor 1987;**

04

PERATURAN-PERATURAN
KUALITI ALAM SEKELILING

Pengurusan Refrigeran 1999;

05

PERATURAN-PERATURAN
KUALITI ALAM SEKELILING

**Kawalan Pelepasan
Daripada Motosikal 2003.**



PENGUATKUASAAN KE ATAS KENDERAAN BERENJIN DIESEL

Dalam menjalankan penguatkuasaan keatas kenderaan berenjin diesel, dua kaedah dilaksanakan iaitu pemerhatian visual menggunakan kamera video / ops catat dan operasi statik. Operasi statik yang dilaksanakan termasuklah operasi bersepadu bersama-sama agensi lain seperti Polis Trafik, Jabatan Pengangkutan Jalan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan lain-lain agensi).



Rajah 2.2. – Graf Data OPS Statik 2019

OPS STATIK

Padatahun 2019, sebanyak 25 Operasi Statik Bersepadu bersama-sama agensi penguatkuasaan yang lain telah dilaksanakan di seluruh Negeri Sabah. Sejumlah 4232 buah kenderaan berenjin diesel telah diperiksa dan 11 sebanyak kompaun telah ditawarkan sepertimana ditunjukkan di Rajah 2.1. Manakala jumlah terperinci serta jenis kenderaan kenderaan yang ditahan, diperiksa semula dan ditawarkan kompaun adalah seperti di Rajah 2.2.

BILANGAN KENDERAAN BERENJIN DIESEL DIPERIKSA


4232

BILANGAN KOMPAUN DIKELUARKAN

11

BILANGAN OPERASI STATIK

25



Rajah 2.2. – Graf Data OPS Statik 2019

OPS CATAT

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 190 operasi pemerhatian visual menggunakan kamera video /ops catat telah dilaksanakan. Sepanjang Ops Catat ini Unit Kenderaan Bermotor telah berjaya memerhati dan mencatat sebanyak 12,184 buah kenderaan berenjin diesel di seluruh negeri Sabah. Sebanyak 219 Notis Pemberitahuan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dikeluarkan kepada pemilik / pemandu kenderaan yang mengeluarkan asap hitam berlebihan hasil pemerhatian visual menggunakan kamera video semasa operasi operasi catat. Notis berkenaan mengkehendaki pemilik kenderaan membawa kenderaan mereka kemana-mana Cawangan PUSPAKOM di seluruh Negeri Sabah untuk membuat ujian semula asap hitam kenderaan mereka bagi memastikan pelepasan daripada kenderaan terbabit sentiasa mematuhi standard pelepasan dari kenderaan berenjin diesel. Hasil ujian semula kenderaan tersebut perlu dikemuka kepada JAS Sabah.

**BILANGAN
OPS CATAT**

**BILANGAN KENDERAAN
DIPERHATI DAN DI CATAT**

**BILANGAN NOTIS ARAHAN
DI BAWAH SEKSYEN 48A**

11

12,184

219



PENGUATKUASAAN KE ATAS KENDERAAN BERENJIN PETROL



Sepanjang tahun 2019, operasi penguatkuasaan keatas kenderaan berenjin petrol dilaksanakan secara bersepadu dengan agensi-agensi lain seperti Polis Trafik, Jabatan Pengangkutan Jalan dan lain-lain agensi. Tumpuan operasi adalah kepada kenderaan perdagangan, kenderaan perseorangan dan motosikal. Parameter yang diuji bagi kenderaan enjin petrol adalah hidrokarbon (HC) dan karbon monoksida (CO), manakala bagi motosikal hanya gas karbon monoksida sahaja yang diuji. Sepanjang tahun 2019,

sebanyak 2 operasi penguatkuasaan pelepasan daripada enjin petrol telah dilaksanakan di mana 12 buah kenderaan enjin petrol telah diuji. Semua kenderaan enjin petrol yang diuji tersebut mematuhi had pelepasan. Bagi operasi penguatkuasaan pelepasan daripada motosikal pula, sebanyak 1 operasi telah dilaksanakan dan sebanyak 86 buah motosikal telah diuji. Sebanyak 9 buah motosikal telah gagal mematuhi had pelepasan bunyi bising dan dikenakan tindakan kompaun.

PENGUATKUASAAN KE ATAS BUNYI BISING MOTOSIKAL



Dalam tahun 2019, sebanyak 1 operasi penguatkuasaan bunyi bising motosikal telah dilaksanakan. Sebanyak 89 buah motosikal telah diperiksa dan didapati 9 buah motosikal telah gagal mematuhi had pelepasan bunyi bising di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising kenderaan Motor) 1987 dan dikenakan tindakan kompaun.

PROGRAM PERLINDUNGAN LAPISAN OZON

Refrigeran merupakan bahan penyejuk yang digunakan dalam sistem penyaman udara kenderaan. Ia terdiri daripada refrigerant jenis R12 untuk kenderaan lama manakala refrigerant yang lebih mesra alam iaitu R134A bagi kenderaan baru. Pengimportan refrigeran R12 tidak dibenarkan lagi mulai tahun 2010. Sepatutnya refrigeran R12 ini sudah tidak ada lagi di pasaran dan kalau ada pun hanya stok lama atau yang diguna semula sahaja. Untuk mengendalikan refrigerant R12 ini, pihak syarikat penyelenggaraan penyaman udara kenderaan perlu memiliki *Recovery and Recycle Machine*. Selain daripada itu, pemilik atau pekerja syarikat terbabit juga perlu mempunyai sijil latihan yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi membolehkan mereka mengendali atau mengusahakan premis penyelenggaraan penyaman udara kenderaan. Pada tahun 2019, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah telah memeriksa sebanyak 5 buah premis penyelenggaraan penyaman udara kenderaan bagi mengenalpasti kandungan refrigerant dalam setiap tong gas refrigerant yang digunakan oleh setiap premis. Tujuannya ialah untuk mengesan sekiranya berlaku kandungan gas berbeza daripada dinyatakan pada label tong gas berkenaan. Kesemua premis yang telah diperiksa tersebut didapati patuh kepada peraturan berkaitan.



INFOGRAFIK UNIT KENDERAAN BERMOTOR

UNIT KENDERAAN BERMOTOR


AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

- KAWALAN PELEPASAN DARIPADA ENJIN DIESEL 1996
- KAWALAN PELEPASAN DARIPADA ENJIN PETROL 1996
- BUNYI BISING KENDERAAN MOTOR 1987
- PENGURUSAN REFRIGERAN 1999
- KAWALAN PELEPASAN DARIPADA MOTOSIKAL 2003

OPS STATIK



OPS CATAT



PENGUATKUASAAN KE ATAS KENDERAAN BERENJIN PETROL


- ✓ **2 OPERASI**
- ✓ **12 BUAH KENDERAAN (KERETA) TELAH DIUJI**



PENGUATKUASAAN KE ATAS BUNYI BISING MOTOSIKAL

- ✓ **1 OPERASI**
- ✓ **89 BUAH MOTOSIKAL TELAH DIUJI**

✗ **9 KOMPAUN**



PROGRAM PERLINDUNGAN LAPISAN OZON

REFRIGERANT YANG **DIBENARKAN** UNTUK KENDERAAN ADALAH JENIS **R134A**. SEMENTARA JENIS R12 PERLU DISELENGGARA, HANYA SYARIKAT YANG MEMILIKI SIJIL LATIHAN YANG DIKELUARKAN OLEH JBT ALAM SEKITAR SAHAJA DIBENARKAN UNTUK MENGENDALI ATAU MENGUSAHAKAN PREMIS PENYELENGGARAAN PENYAMAN UDARA KENDERAAN.

- ✓ **5 BUAH PREMIS TELAH DILAWAT**



PENGURUSAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR


TAHUN 2019

Isu pencemaran alam sekitar semakin mendapat perhatian pelbagai pihak. Jabatan Alam Sekitar amat mengalu-alukan kerjasama semua pihak untuk melaporkan sebarang insiden pencemaran alam sekitar yang berlaku terutama di kawasan setempat. Orang awam memainkan peranan yang sangat penting sebagai agen ataupun mata

telinga kepada JAS dalam memastikan alam sekitar terus kekal terpelihara.

Setiap aduan yang diterima akan segera disiasat oleh pegawai penguatkuasa JAS. Bagi tempoh lima (5) tahun, aduan pencemaran yang diterima oleh JAS semakin bertambah dan peningkatan ni semakin ketara pada tahun 2019 seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.1

TREN ADUAN




Rajah 1.1:
Tren aduan yang diterima oleh JAS Sabah

Rajah 1.2
Jumlah aduan pencemaran mengikut bulan




Aduan-aduan pencemaran alam sekitar yang diterima oleh JAS Sabah dibahagikan kepada 8 jenis pencemaran sebagaimana dipaparkan dalam Rajah 1.3 di bawah. Bagi tahun 2019, 76% aduan yang diterima adalah jenis pencemaran udara. Diikuti 11% aduan pencemaran air, 3% aduan berkaitan buangan terjadual, 3% aduan berkaitan bunyi bising, 1% aduan tumpahan minyak dan 1% aduan pencemaran tanah. Sebanyak 5% lagi aduan adalah kategori lain-lain.



Rajah 1.3: Jenis pencemaran yang diterima oleh JAS Sabah bagi tahun 2019

Berdasarkan rekod JAS Sabah, aduan pencemaran udara adalah yang paling tinggi dan penyumbang utama kepada aduan ini adalah pencemaran udara disebabkan oleh pembakaran terbuka. Pada tahun 2019, 77.8% adalah dari kategori pembakaran terbuka dan 22.2% adalah aktiviti selain pembakaran terbuka seperti pelepasan asap hitam dari kilang, asap kenderaan, bau dan lain-lain.




Rajah 1.4 :
Perbandingan aduan pembakaran terbuka dan aduan pencemaran udara selain pembakaran terbuka.

GAMBAR - GAMBAR

"Orang awam memainkan peranan yang sangat penting sebagai agen ataupun mata telinga kepada JAS dalam memastikan alam sekitar terus kekal terperlihara"



TREN ADUAN PENCEMARAN



Bilangan aduan pencemaran yang direkodkan

JENIS PENCEMARAN

Aduan mengikut jenis pencemaran



2019
534



77.80%
Pembakaran Terbuka

22.20%
Selain
Pembakaran Terbuka

TINDAKAN MAHKAMAH

Sepanjang tahun 2019, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah telah mengendalikan sejumlah 14 kes tindakan mahkamah kerana pelanggaran terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Bilangan ini telah berkurang berbanding pada tahun 2018 iaitu 19 kes tindakan mahkamah. Daripada jumlah kes tersebut, kes yang didaftarkan di mahkamah pada tahun 2019 adalah sebanyak 13 kes dan 1 kes lagi adalah kes yang telah didaftarkan pada tahun sebelumnya.


Daripada jumlah tersebut (tahun 2019), sebanyak 11 kes telah selesai didakwa dengan jumlah denda dikenakan sebanyak RM323,000.00 dan baki, 3 kes lagi masih dalam prosiding mahkamah. Daripada jumlah 11 kes yang telah selesai didakwa, 3 kes adalah kesalahan yang dilakukan pada tahun 2019, 4 kes adalah kesalahan yang dilakukan pada tahun 2018, 2 kes kesalahan pada tahun 2017, 2 kes kesalahan pada tahun 2015.

Jadual 1, di bawah ini menunjukkan kes-kes yang telah selesai didakwa di mahkamah pada tahun 2019 dan jumlah denda dikenakan mengikut peruntukan AKAS, 1974 :-

JENIS KESALAHAN	SEKSYEN/ PERATURAN	BIL	DENDA (RM)
TIDAK MEMATUHI SYARAT LESEN	SEKSYEN 16(1) AKAS 1974	6	88,000.00
MEMBENARKAN PEMBAKARAN TERBUKA	SEKSYEN 29A(1) AKAS 1974	1	60,000.00
MELEPASKAN EFLUEN KE DALAM PERAIRAN PEDALAMAN MELEBIHI HAD YANG DITETAPKAN	PPKAS (EP) 2009	4	175,000.00
JUMLAH		11	323,000.00

Jadual 1 : Pecahan Kes Tindakan Mahkamah Yang Selesai Mengikut Kesalahan, 2019

Rajah 1, di bawah ini menunjukkan kes-kes tindakan mahkamah yang telah selesai didakwa mengikut industri/aktiviti dan denda dikenakan pada tahun 2019 :-



Rajah 1: Status Kes-Kes Tindakan Mahkamah Yang Selesai Didakwa Mengikut Industri/Aktiviti & Denda

Daripada 11 kes yang telah selesai didakwa, 10 kes adalah punca tetap dan 1 kes adalah punca bukan industri iaitu ladang kelapa sawit. Daripada 10 kes punca tetap tersebut, 6 kes tindakan mahkamah adalah melibatkan premis yang ditetapkan iaitu kilang kelapa sawit yang beroperasi di dalam Daerah Sandakan (1 Kes), Daerah Kinabatangan (1 Kes), Daerah Tawau (2 kes), Daerah Keningau (1 kes), dan Daerah Tenom (1 kes).

Tindakan mahkamah yang telah diambil juga turut melibatkan 2 kes terhadap kilang makanan & minuman yang terletak di Daerah Kota Kinabalu dan Daerah Kudat, 1 kes melibatkan kilang kertas di Daerah Sipitang, 1 kes melibatkan sektor pertanian (ladang kelapa sawit) di Daerah Beluran dan 1 kes lagi melibatkan premis Laundry di Daerah Kota Kinabalu.

Tawaran Kompaun

Sepanjang tahun 2019, sejumlah 178 tawaran kompaun dengan nilai kompaun berjumlah RM326,700.00 telah dikeluarkan kepada syarikat, premis atau pihak yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan dibawahnya. Bilangan tawaran kompaun ini telah melonjak naik berbanding tahun 2018 iaitu 65 kompaun sahaja.

Daripada jumlah keseluruhan tersebut, 11 tawaran kompaun (RM22,000.00) telah dikeluarkan terhadap pemunya/pemandu kenderaan bermotor berenjin diesel di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 kerana kesalahan melepaskan asap hitam melebihi ketumpatan asap yang dibenarkan, 99 kompaun (RM198,000.00) bagi kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 iaitu gagal mengendali/ mengurus buangan terjadual mengikut peraturan yang ditetapkan, 43 kompaun (RM86,000.00) bagi kesalahan di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kerana melakukan pembakaran terbuka, 10 kompaun (RM20,000.00) bagi kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, 6 kompaun (RM12,000.00) bagi kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 dan 9 kompaun (RM2,700.00) terhadap pemunya/pemandu motosikal bagi kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 iaitu membenarkan pengeluaran bunyi bising dari motosikal melebihi paras bunyi yang ditetapkan.

Jadual 2a dan Jadual 2b di bawah ini menunjukkan kesalahan yang dikompaun , bilangan dan nilai kompaun yang dikeluarkan pada tahun 2019 :-

PPKAS (Efluen Perindustrian) 2009			PPKAS (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987. (Peraturan 4)		PPKAS (Buangan Terjadual) 2005 [P.U. (A) 293/2005]		
Peraturan	Bil. Komp.	Jumlah Kompaun (RM)	Bil. Komp.	Jumlah Kompaun (RM)	Peraturan	Bil. Komp.	Jumlah Kompaun (RM)
Per. 4	1	2,000.00	9	2,700.00	Per. 3	2	4,000.00
Per. 7(3)	1	2,000.00			Per. 6	1	2,000.00
Per.10	1	2,000.00			Per. 8	5	10,000.00
Per.11	4	4,000.00			Per. 9(1)	11	22,000.00
Per.12	2	2,000.00			Per. 9(2)	1	2,000.00
Per.20	1	2,000.00			Per. 9(3)	3	6,000.00
					Per. 9(4)	14	28,000.00
					Per.9(5)	6	12,000.00
					Per. 10(1)	22	44,000.00
					Per.10(2)	19	38,000.00
					Per. 11	13	26,000.00
					Per. 12	1	2,000.00
					Per. 15	1	2,000.00
JUMLAH	10	6,000.00	9	2,700.00	-	99	198,000.00

Jadual 2a : Kompaun Yang Dikeluarkan Tahun 2019

PPKAS (Kumbahan) 2009			PPKAS (Kawalan Pelepasan Drp Enjin Diesel) 1996. (Peraturan 11)		Seksyen 29A, AKAS 1974	
Peraturan	Bil. Komp.	Jumlah Kompaun (RM)	Bil. Komp.	Jumlah Kompaun (RM)	Bil. Komp.	Jumlah Kompaun (RM)
Per. 6	1	2,000.00	11	22,000.00	43	86,000.00
Per. 7	2	4,000.00				
Per. 10(1)(b)	2	4,000.00				
Per. 11	1	2,000.00				
JUMLAH	6	12,000.00	11	22,000.00	43	86,000.00

Jadual 2b : Kompaun Yang Dikeluarkan Tahun 2019

Notis Arahan

